

# Career Expo 2012 tawar 300 peluang kerja daripada 50 syarikat

KUALA LUMPUR 9 Mei - Career Expo 2012 selama dua hari pertengahan bulan ini anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) seharusnya menjadi tumpuan graduan dan bakal graduan institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta kerana sebanyak 300 peluang pekerjaan akan ditawarkan pada program itu.



Pengarah Pusat Penempatan Kerjaya (CPC) UPM, Dr. Che An Abdul Ghani (**gambar**) juga berkata, ekspo pada 15 dan 16 Mei itu akan disertai oleh 50 buah syarikat.

Katanya lagi, program itu yang akan diisi dengan pameran kerjaya dan temu duga

terbuka dianjurkan sebagai usaha CPC untuk meningkatkan peluang

mendapat kerja bagi kalangan graduan UPM dan IPT.

"Setiap graduan dan pelajar perlu membawa resume dan foto berbeza untuk setiap syarikat.

"UPM berharap program ini akan membuka ruang untuk perbincangan dan perkongsian maklumat berkaitan kerjaya oleh syarikat-syarikat dan agensi-agensi luar," katanya.

Career Expo 2012 akan berlangsung di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS), UPM dari pu-

kul 9 pagi hingga 5 petang.

Che An berkata, pihaknya yakin Career Expo dapat membantu mengukuhkan cara pemikiran, keyakinan diri dan kriteria diri yang positif di kalangan pelajar dan bekas pelajar kerana majikan menekankan kemahiran generik graduan semasa temuduga seperti kemahiran insaniah, pengetahuan, kebolehan dan sikap positif bagi menjamin graduan bersaing di pasaran kerja.

Objektif lain penganjuran ekspo itu, katanya lagi, adalah untuk

memberi pendedahan dan latihan intensif kepada pelajar dan graduan dalam persiapan yang lengkap sebelum memasuki dunia pekerjaan.

"Ia juga membuka ruang kepada pihak industri untuk turut terlibat dalam membantu graduan dan bakal graduan bagi mengisi jawatan-jawatan kosong," ujarnya.

Untuk maklumat lanjut, hubungi Career Placement Center, UPM di talian 03-8947 1407 atau layari [www.cpc.upm.edu.my](http://www.cpc.upm.edu.my) atau [www.facebook.com/CPC.UPM](https://www.facebook.com/CPC.UPM).